

PENGGUNAAN BAHASA FIGURATIF DALAM PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID SEKOLAH RENDAH



Siti Faridah Omar

Fadilah Isnin PhD

Pusat Bahasa Melayu Singapura



Abstrak



Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015 yang baharu telah memasukkan komponen penggunaan bahasa figuratif (BF) bagi membina pengetahuan bahasa murid. Kertas kajian ini mengemukakan sokongan yang telah dijalankan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan Singapura bagi membimbing guru mengajar penggunaan BF dengan lebih efektif dalam kemahiran menulis. Kaedah pengajaran secara eksplisit yang diutarakan oleh Rosenshine (1985) telah digunakan bagi membina pengajaran BF dalam penulisan murid secara berstruktur, sistematik dan melibatkan penyertaan aktif murid dalam proses pembelajaran. Sampel kajian terdiri daripada lima orang guru dan melibatkan 111 orang murid sekolah rendah. Kajian ini memberikan tumpuan kepada empat jenis BF, iaitu simili, metafora, personifikasi dan hiperbola. Dapatan kajian menunjukkan 100% guru mengatakan proses pengajaran secara eksplisit membantu mereka mengajar BF dengan berkesan dan berjaya memperkaya kosa kata murid. Berdasarkan maklum balas murid pula, 90% mengatakan mereka boleh membina dan menggunakan unsur BF dalam penulisan karangan naratif mereka dengan baik terutamanya bagi unsur simili dan hiperbola. Berdasarkan dapatan kajian, bimbingan di peringkat nasional telah dijalankan bagi memastikan lebih ramai guru dapat menjalankan pengajaran BF dalam kemahiran menulis dengan lebih baik.

Kata kunci: bahasa figuratif, eksplisit, naratif, kurikulum

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang memerlukan kemahiran kognitif yang kompleks. Murid perlu menjana idea, merancang dan menggunakan bahasa yang baik serta kreatif bagi menghasilkan satu penulisan yang baik. Penulisan yang baik juga memerlukan murid menggunakan gaya bahasa yang indah dan menarik. Penggunaan Bahasa Figuratif (BF) ini telah dimasukkan dalam bahan Pakej MEKAR yang mengandungi buku teks dan buku aktiviti dengan contoh beberapa unsur BF seperti metafora, simili, personifikasi dan hiperbola. Namun, kurang bimbingan yang diberikan kepada guru-guru mengenai kaedah mengajar untuk murid mengenal apa itu BF, dan cara membina dan menggunakan BF dalam karangan mereka. Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan awal daripada 48 responden guru-guru bahasa Melayu di sekolah rendah, 92% mengatakan mereka tahu apa itu bahasa figuratif, 81% menyatakan mereka menggunakan BF dalam pengajaran dan pembelajaran dan 100% bersetuju akan kepentingan BF dalam penulisan, terutamanya karangan naratif. Hal ini menunjukkan iltizam guru untuk berusaha mengajar murid menggunakan BF dalam penulisan karangan naratif. Namun, guru prihatin dengan hasil kerja murid dan penggunaan BF dalam karangan naratif murid masih boleh ditingkatkan. Oleh itu, guru memerlukan bimbingan yang lebih terancang bagi menjalankan pengajaran secara sistematik dan berkesan.

Bagi membantu guru mengajar murid menggunakan BF dalam penulisan karangan naratif, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan Singapura telah menjalankan usaha intervensi untuk meningkatkan prestasi guru dalam hal tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan BF dalam karangan memerlukan penguasaan kosa kata yang baik. Murid juga harus memahami bagaimana menyampaikan sesuatu maksud itu dalam bentuk yang tidak literal. Walaupun guru berusaha mengajar murid menggunakan BF sama ada berasaskan senarai rujukan atau bahan yang ada dalam sukatan pelajaran, namun mereka kurang memberikan perhatian pada proses pembelajaran yang lebih sistematik. Oleh itu, murid berhadapan dengan masalah bagaimana hendak menggunakan BF dengan betul. Ini juga disebabkan murid bergantung pada senarai BF tanpa mengetahui maksud dan cara menggunakannya dengan tepat.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka perancangan dan pelaksanaan usaha intervensi bagi membina pengetahuan guru mengajar BF secara efektif dengan menggunakan pengajaran secara eksplisit. Selain itu, kajian ini juga bertujuan membina pengetahuan murid untuk menghasilkan dan menggunakan bahasa figuratif dengan betul dalam penulisan karangan naratif mereka.

KAJIAN LEPAS

Bahasa Figuratif merupakan ungkapan yang juga disebut sebagai bahasa berbunga, bahasa perbandingan ataupun gaya bahasa. Menurut Za'aba (1965) BF adalah unsur bahasa yang mengungkapkan perkataan yang dikiaskan kepada perkara yang lain.

Ismail Ahmad (1992) berpendapat bahawa gaya bahasa merupakan kata-kata yang melibatkan pengolahan idea dan tidak hanya dibatasi oleh tatabahasa. Bagi menghasilkan karangan naratif yang baik, pelajar tidak hanya dituntut untuk mengolah cerita, malah mampu menggunakan gaya bahasa yang indah dan menarik. Pandangan ini selaras dengan pandangan yang diutarakan oleh Kamsiah Abdullah (1993). Menurut beliau, penulisan karangan naratif yang baik memerlukan kemahiran menulis yang mampu menggabungkan kebolehan mengolah isi, bahasa dan susunan organisasi yang mantap dan disokong dengan penggunaan gaya bahasa yang bersesuaian. Maniyamin Haji Ibrahim (2006) menjelaskan bahawa gaya bahasa terbit daripada usaha penulis memanipulasi bahasa yang sedia ada bagi mencari perkataan bagi menghasilkan keindahan bunyi. Hal ini akan menimbulkan kesegaran dan keberkesanan karya tersebut kepada pembaca. Noah Goodman (2014) menyatakan kita memahami BF sebagai bahasa yang tidak literal seperti simili, metafora dan hiperbola yang memberikan fokus makna sebalik daripada perkataan itu. Kajiannya menunjukkan seseorang itu harus memahami teks yang tidak disampaikan secara eksplisit untuk memberikan makna yang lain agar memahami apa yang sebenarnya yang hendak disampaikan. Dengan cara ini kedua-dua pihak mempunyai pemahaman yang sama. Les Sikos et. al. (2008) menjelaskan bagi memahami BF seseorang itu harus mempunyai penguasaan bahasa yang baik bagi memproses makna sebenar.

Kajian yang berkaitan dengan karangan naratif dan BF bagi bahasa Melayu juga turut dikaji oleh para pendidik. Fariah Serajul Haq et. al. (2001) telah menjalankan kajian mengenai masalah penulisan naratif dalam kalangan pelajar menengah. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar mendapat skor yang tinggi bagi idea dan organisasi tetapi mendapat skor yang rendah bagi konvensi penulisan.

Noni Ratina (2007) mengemukakan kajian berkaitan karangan naratif menengah empat di Brunei. Hasil dapatan beliau menunjukkan penggunaan gaya bahasa sangat kurang memuaskan dan pelajar belum menguasai kemahiran dengan baik. Hanya 13% pelajar menggunakan bahasa perumpamaan dan hiperbola dalam karangan mereka. Kajian yang dijalankan oleh Yahya Othman (2012) pula mengenai dengan penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif pelajar prauniversiti di Brunei menunjukkan terdapat variasi penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif. Dapatan kajiannya juga menunjukkan masih terdapat pelajar yang tidak mahir menggunakan gaya bahasa perbandingan bagi menyatakan maksud tersirat.

Terdapat usaha yang telah dijalankan oleh guru bahasa Melayu di Singapura. Rosnita dan Sarifah (2013) menjalankan kajian mengenai keberkesanan teknik BKEMAS dalam kemahiran menulis karangan naratif murid sekolah rendah. Dapatan mereka menunjukkan penggunaan rubrik dan senarai semak telah meningkatkan penggunaan peribahasa dan frasa berbunga dalam karangan murid Darjah 5. Kajian yang dijalankan oleh Nur Fazalina dan Suriana (2014) pula berkaitan dengan gaya bahasa perbandingan dalam penulisan karangan naratif. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan lebih ramai murid telah menggunakan gaya bahasa perbandingan dalam karangan naratif mereka. Selain itu, maklum balas guru menyatakan kepentingan murid memahami maksud gaya bahasa perbandingan tersebut terlebih dahulu sebelum dapat menggunakannya dengan betul dalam penulisan mereka. Nuraishah dan Sanisah (2014) menjalankan kajian pengajaran bagi penggunaan frasa berbunga dalam karangan. Kajian pengajaran yang dijalankan telah memberikan murid pemahaman mengenai frasa berbunga. Dapatan ini juga menunjukkan penggunaan frasa berbunga dapat membantu murid menggambarkan sesebuah situasi dengan lebih jelas, meningkatkan mutu dan meningkatkan keindahan penulisan murid.

Tinjauan literatur ini menunjukkan pengajaran bahasa figuratif harus diberikan perhatian agar murid bukan sahaja tahu apa itu bahasa figuratif malahan dapat menggunakan dalam penulisan mereka dengan baik. Oleh itu, penggunaan BF dalam karangan murid memerlukan kaedah pengajaran yang lebih teratur agar guru dapat mengajarnya dengan berkesan. Perbincangan lanjut mengenai kaedah pengajaran ini akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat kajian lapangan dan penelitian terhadap maklum balas guru dan murid dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini melibatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif.

KAEDAH PENGAJARAN SECARA EKPLISIT

Pengajaran secara eksplisit merupakan pendekatan yang diutarakan oleh Rosenshine (1985) telah digunakan bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran BF ini. Menurut Rosenshine, pengajaran secara eksplisit merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan pengajaran yang menekankan kepada penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa melalui penyertaan aktif murid dalam proses pembelajaran. pengajaran ini memperlihatkan lima tahap pendekatan dalam proses pengajaran secara eksplisit, iaitu tahap Pengenalan, Penerangan, *Modelling*, Latihan Terbimbing dan Kendiri dan Penutup. Pengajaran secara eksplisit ialah kaedah pengajaran yang mempunyai kerangka pengajaran dan prosedur pelaksanaannya. Kaedah ini dapat bagi membantu murid memahami kemahiran dan pengetahuan yang ingin disampaikan guru. Kaedah ini juga memaksimumkan proses pembelajaran dan pencapaian murid. Proses pengajaran bergerak dari satu peringkat ke satu peringkat secara sistematik supaya murid dapat memahami kemahiran dan pengetahuan yang ingin dipelajari sebelum mengikuti peringkat seterusnya. Pengajaran secara eksplisit menekankan enam prinsip pengajaran, iaitu menggunakan masa pengajaran secara optimum, menggalakkan murid mencapai kejayaan dalam pembelajaran, menambah kandungan pelajaran secara berperingkat, meningkatkan masa yang digunakan untuk belajar secara berkumpulan, membina perancangan pengajaran dan membina keupayaan dan pengetahuan murid dengan mengenalkan pelbagai jenis pengetahuan.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada 111 orang murid daripada lima buah sekolah rendah di Singapura. Seramai lima orang Guru Kanan yang terlibat menjalankan kajian ini. Secara umum, tahap kemahiran menulis para murid adalah sederhana. Murid sudah dilengkapi dengan pengetahuan asas bagi penulisan karangan khususnya karangan naratif. Maklum balas daripada guru-guru menunjukkan bahawa kurang pendedahan diberikan terhadap penggunaan BF di dalam bilik darjah. Penelitian awal dilakukan terhadap mutu penulisan murid-murid yang menunjukkan kelemahan penguasaan dan penggunaan kosa kata serta kurang pengetahuan mengenai BF dalam kalangan kumpulan murid ini.

INSTRUMEN KAJIAN

Keberkesanan kajian pengajaran dan pembelajaran BF ini dipantau melalui penggunaan borang soal selidik bagi murid dan guru. Bagi murid, borang soal selidik mengandungi enam pernyataan dengan penggunaan skala Likert empat poin, iaitu Sangat Boleh (SB), Boleh (B), Hampir Boleh (HB) dan Masih Mencuba (MM). Terdapat 6 item bagi maklum balas murid. Bagi guru pula, Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS) yang terdiri daripada 11 item bagi data kuantitatif dan 3 item bagi data kualitatif. Soalan-soalan ini memberi tumpuan pada proses pengajaran dan pembelajaran bagi setiap BF yang diajarkan kepada para murid. Dapatan daripada maklum balas murid dan guru digunakan untuk melihat dan mengukur keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap BF yang dilaksanakan. Satu lagi instrumen kajian ialah 'Pakej Pengajaran Bahasa Figuratif' dengan penerapan pengajaran secara eksplisit yang lengkap telah disediakan. Pakej ini mengandungi rancangan pengajaran, bahan aktiviti murid, bahan pengajaran guru, borang maklum balas murid dan Guru. BF yang diajarkan bagi usaha intervensi ini hanya melibatkan empat unsur BF sahaja: simili (S), metafora (M), personifikasi (P) dan hiperbola (H). Fokus pengajaran berdasarkan tema Alam Semula Jadi. Sila rujuk Jadual 1, 2 dan 3.

PROSEDUR KAJIAN

Kumpulan pertama merangkumi sejumlah 63 orang responden daripada tiga buah sekolah. Kumpulan pertama ini telah menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut pada lewat November

2014. Kumpulan kedua pula mempunyai sejumlah 48 orang responden daripada dua buah sekolah yang telah menjalankan sesi pengajaran pada awal Januari 2015. Sebelum usaha intervensi ini dilaksanakan, guru menjalankan kegiatan prapenulisan karangan naratif bagi melihat penggunaan BF murid. Guru Pakar menjalankan demonstrasi pengajaran bagi memastikan guru dapat menjalankan pengajaran dengan baik berdasarkan pengajaran secara eksplisit.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan mengemukakan analisis dapatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif bagi murid dan guru. Seterusnya bahagian ini akan turut membincangkan signifikan dapatan tersebut.

DAPATAN MAKLUM BALAS MURID


Sejumlah 111 borang soal selidik telah dikumpul dan dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid telah dapat memahami unsur BF yang diajarkan. Ini jelas dilihat bagi Soalan S1, lebih 80% murid memberikan maklum balas SB dan B bagi setiap BF yang diajarkan. Murid juga memberikan maklum balas yang baik bagi S2, iaitu lebih 75% murid memberikan maklum balas SB dan B. Dapatan yang sama bagi S3, iaitu lebih 80% murid menyatakan SB dan B. Jelas menunjukkan murid berupaya mengenal pasti penggunaan BF yang diajarkan dalam binaan ayat dan petikan cerita. Sila rujuk Jadual 1 dan Rajah 1.

Jadual 1: Peratusan Maklum Balas Murid

No	Item	SB & B (%)			
		S	M	P	H
S1	Saya dapat memahami unsur BF	100	85	95	97
S2	Saya dapat memberikan contoh yang tepat bagi unsur BF.	100	76	85	82
S3	Saya dapat mengenal pasti unsur BF dalam ayat.	96	79	83	98
S4	Saya dapat membina unsur BF.	94	79	84	92
S5	Saya dapat membina ayat dengan menggunakan unsur BF.	94	77	93	97
S6	Saya dapat menggunakan unsur BF dalam penulisan.	96	79	89	97


N = 111 murid

Rajah 1: Peratusan Maklum Balas Murid bagi S1, S2 dan S3



Bagi S4, S5, dan S6, maklum balas bagi SB dan B yang diberikan murid juga menunjukkan peratusan yang menggalakkan yakni melebihi 75%. Ini menunjukkan bahawa murid memahami penggunaan unsur BF yang diajarkan dan berupaya mengaplikasikannya dalam penulisan karangan mereka. Ini jelas ditunjukkan dalam respons bagi S4 yang menunjukkan sekitar 79% hingga 94% SB dan B yang diberikan oleh murid bagi empat unsur BF yang dipelajari. Dapatan bagi S5 pula menunjukkan maklum balas murid sekitar 77% hingga 97% menyatakan SB dan B. Pengetahuan ini juga telah berjaya menambah nilai mutu binaan ayat murid dan sekaligus mempertingkatkan kualiti penulisan karangan mereka. Kesedaran ini dapat dibuktikan daripada maklum balas bagi S6. Murid memberikan maklum balas SB dan B sebanyak 79% hingga 97% bagi unsur BF. Sila rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Peratusan Maklum Balas Murid bagi S4, S5, dan S6



Hasil dapatan maklum balas murid ini jelas membuktikan bahawa murid telah dapat mempelajari dan mengaplikasi penggunaan BF

dengan baik. Dapatan bagi S1, S2 dan S3 menunjukkan bahawa murid telah dapat memberikan contoh yang tepat bagi keempat-empat jenis BF. Contohnya: **sejuk seperti salji** (simili), **angin kebencian** (metafora), **matahari tersenyum** (personifikasi) dan **air mata selebat hujan** (hiperbola). Ini menunjukkan pemahaman dan keyakinan murid untuk mengutarakan contoh yang kreatif dan sesuai semasa pengajaran berlangsung bagi menambah nilai senarai BF yang dibina bersama guru di dalam kelas. Senarai yang dibina ini kemudian dapat dijadikan rujukan murid semasa sesi pembinaan ayat mahupun penulisan karangan bagi menambah nilai hasil penulisan mereka.

Bagi S4, S5 dan S6, murid juga memperlihatkan keyakinan membina unsur BF mereka sendiri dalam binaan ayat-ayat mereka. Murid bersetuju bahawa pengetahuan mengenai penggunaan BF yang dipelajari telah dapat diaplikasi dalam penulisan mereka. Murid menyatakan bahawa mereka dapat menggunakan pengetahuan daripada pengajaran BF dalam penulisan mereka. Ini menunjukkan keyakinan mereka untuk mengaplikasi BF bagi menambah nilai mutu penulisan karangan mereka. Berikut adalah contoh-contoh ayat yang dihasilkan oleh murid:

A. Simili

1. Cuaca hari itu sejuk seperti salji.
2. Pagi itu gelap seperti malam kerana jerebu tebal menyelimuti estet perumahan kami.

B. Metafora

1. Api kemarahan ibu Dini jelas kelihatan apabila bas yang mereka tunggu masih belum tiba lagi dalam keadaan hujan lebat.
2. Petir kebimbangan muncul di hati Hadi kerana dia pasti akan lewat ke sekolah dalam hujan lebat itu.

C. Personifikasi

1. Matahari tersenyum riang dan hari itu sesuai untuk Zafran ke taman.
2. Dia melihat pokok-pokok berdiri tegak dan bunga-bunga tersenyum gembira di taman bunga itu.

D. Hiperbola

1. Shariza mengayuh basikalnya secepat kilat untuk bertemu dengan rakannya di taman bunga yang baru dibuka kepada orang ramai.
2. Taman Jurong besar seluas lautan menyebabkan Zafran keletihan semasa bersiar-siar di situ.

Dapatan juga menunjukkan bahawa bagi walaupun peratusan maklum balas SB dan B yang diberikan murid agak tinggi bagi keempat-empat unsur BF bagi S1 hingga S4, namun pengkaji dapat merangkumkan bahawa metafora merupakan antara BF yang mempunyai peratusan lebih rendah dibandingkan dengan tiga jenis unsur BF yang lain. Ini menunjukkan sebilangan murid memerlukan lebih banyak masa untuk mengenal pasti dan membina unsur metafora.

Pengajaran dan pembelajaran BF ini juga telah memberikan murid peluang untuk berinteraksi dan bekerjasama secara aktif di dalam kumpulan masing-masing. Nilai-nilai positif seperti menghormati pandangan rakan-rakan, saling bantu-membantu yang memperlihatkan kesungguhan mereka bekerja sebagai satu kumpulan dan semangat berpasukan telah berjaya ditunjukkan oleh murid semasa menjalankan aktiviti-aktiviti berkumpulan.

DAPATAN MAKLUM BALAS GURU


Sejumlah lima borang soal selidik daripada para guru telah dikumpul dan dianalisis. Terdapat 11 item yang dibahagikan kepada empat bahagian telah dikemukakan kepada guru. Empat bahagian itu ialah, Panduan Guru, Bahan Pengajaran, Pelaksanaan dan Pembelajaran Murid. Hasil dapatan A1 menunjukkan guru memberikan maklum balas 80% SS dan 20% S bagi panduan guru. Guru menyatakan mereka dapat menggunakan panduan guru yang menerapkan pendekatan secara eksplisit dengan berkesan. Bagi penggunaan bahan pengajaran pula, guru memberikan maklum balas 20% SS dan 80% S bagi B2 dan B3 di mana guru merasakan bahawa bahan pengajaran yang disediakan menarik, mencukupi dan memenuhi keperluan kebolehan murid yang pelbagai. Bagi bahagian pelaksanaan pula, iaitu C4 dan C5, guru memberikan maklum balas 40% bagi SS dan 60% S. Sila rujuk Jadual 2 dan Rajah 3.

Jadual 2: Peratusan Maklum Balas Guru Item A - C

No	Bahagian	Item	SS (%)	S (%)
A	Panduan Guru	A1	80	20
B	Bahan Pengajaran	B2	20	80
		B3	20	80
C	Pelaksanaan	C4	40	60
		C5	40	60

N = 5 guru

Rajah 3: Peratusan Maklum Balas Guru bagi Item A - C



Seterusnya, bahagian D merujuk kepada pemantauan guru terhadap pembelajaran murid. Berdasarkan dapatan kajian bagi D6-D11 dapat dirangkumkan bahawa guru mendapati bahawa murid telah dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Ini dapat


dibuktikan melalui maklum balas guru yang memberikan 40% SS dan 60% S bagi D6 yang mengesahkan bahawa murid telah dapat mengikuti pelajaran mereka dengan baik. Bagi D7, 100% guru bersetuju bahawa murid dapat melengkapkan karangan mereka dengan baik. Guru juga memberikan 80% SS dan 20% S bagi D8 bagi menerangkan bahawa murid telah dapat melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran BF. Bagi item D10 dan D11, guru memberikan 20% SS dan 80% S bagi menunjukkan kebolehan murid mengaplikasi BF dalam penulisan karangan mereka. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan guru memberikan maklum balas SS dan S pada bahagian ini dan gabungan maklum balas tersebut menghasilkan 100% bagi setiap item soalan. Sila rujuk Jadual 3 dan Rajah 4.

Jadual 3: Peratusan Maklum Balas Guru Item 6 hingga 11

D	Item bagi Pembelajaran Murid	SS (%)	S (%)
D6	Murid dapat mengikuti pelajaran dengan baik.	40	60
D7	Murid dapat menyelesaikan latihan karangan dengan baik.	0	100
D8	Murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.	80	20
D9	Aktiviti yang disediakan menarik minat murid.	40	60
D10	Murid dapat menggunakan maklumat bahan bacaan untuk aktiviti kemahiran menulis.	20	80
D11	Murid dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dengan menggunakan pengajaran secara eksplisit.	20	80

N = 5 guru

Rajah 4: Peratusan Maklum Balas Guru bagi Item 6 hingga 11



Secara keseluruhan hasil, dapatan kuantitatif bagi maklum balas guru menunjukkan bahawa guru berupaya mengikut setiap tahap pengajaran secara eksplisit dan memahami langkah-langkah yang telah disusun dengan jelas. Guru sangat bersetuju bahawa aktiviti yang telah dirancang dan disusun dapat menarik minat murid mempelajari BF. Guru juga bersetuju bahawa bahan-bahan pengajaran dapat digunakan secara berkesan kerana disusun mengikut tahap secara eksplisit bagi memudahkan penyampaian guru dan juga sekaligus memberi tumpuan kepada perkembangan dan pemahaman murid semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Guru kini lebih jelas akan konsep BF dan telah dapat memahami proses penerapannya dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam penulisan karangan naratif.

Bagi bahagian pemantauan guru terhadap pembelajaran murid, guru berpandangan bahawa murid berupaya mengikut pengajaran dan pembelajaran BF dengan baik. Guru juga bersetuju bahawa murid dapat menyelesaikan latihan karangan secara individu atau berkumpulan yang diberikan guru dengan lengkap dan baik. 80% guru menyatakan SS bahawa penglibatan murid secara aktif bagi kesemua aktiviti yang dijalankan dapat dilihat dan amat membantu dalam proses pembelajaran mereka. Begitu juga dengan aktiviti yang dirancang dan dijalankan berjaya menarik minat murid dan hasilnya dapat dilihat ketika murid menghasilkan tugas penulisan karangan dengan menerapkan BF yang telah dipelajari dengan sesuai dan baik.

DAPATAN KUALITATIF DARIPADA MAKLUM BALAS GURU

Berdasarkan maklum balas guru, murid dapat meningkatkan pengetahuan dan keupayaan menjalankan pengajaran BF dengan menggunakan pendekatan eksplisit. Pakej pengajaran yang disarankan telah dapat membantu guru melaksanakan pengajaran mengenai penggunaan BF secara lebih sistematik, mudah difahami dan dapat membentuk suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta santai untuk memikat hati murid. Ini lebih terkesan apabila mereka melihat hasil pembelajaran yang diinginkan tercapai melalui hasil penulisan murid yang berjaya ditambah nilai dan melalui sumbangan idea murid ketika mencerna dan membina senarai BF mereka sendiri. Selepas menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut, guru lebih yakin bahawa BF boleh diajarkan kepada murid-murid di sekolah rendah. Guru juga terkesan dengan hasil pembelajaran yang dilihat khususnya apabila murid berupaya membina ayat yang indah

dan menarik terutamanya bagi unsur personifikasi dan hiperbola. Usaha ini telah memperkaya kosa kata murid bagi menghasilkan karangan yang lebih baik.

Guru juga melaporkan terdapat beberapa keprihatinan mereka yang perlu diambil perhatian. Antara lain, guru berasa bahawa murid perlu dibimbing untuk menyesuaikan penggunaan BF sesuai dengan konteks karangan mereka. Misalnya, guru melihat kesukaran yang dihadapi oleh sesetengah murid untuk menggunakan dan menyesuaikan contoh BF dengan konteks cerita semasa aktiviti penulisan berlangsung. Justeru, guru perlu membimbing dan menerangkan kesesuaian penggunaan BF kepada murid agar kesalahan pada binaan struktur ayat dan makna dapat dikurangkan.

IMPLIKASI

Kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran penggunaan BF dalam penulisan karangan perlu diteruskan dan dikukuhkan. Penggunaan BF dalam karangan naratif dapat meningkatkan mutu penulisan murid. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan secara tuntas bahawa guru memerlukan bimbingan dan sokongan untuk meningkatkan usaha mengajar membina dan menggunakan BF dengan lebih baik lagi. Oleh itu, guru perlu diberi pengetahuan dan bimbingan untuk menjalankan pengajaran karangan naratif dengan penggunaan BF secara sistematik dan berstruktur. Hal ini penting bagi membina keyakinan guru dan keupayaan murid menggunakan unsur-unsur BF dengan baik dalam penulisan karangan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan usaha membina kemampuan murid menggunakan BF dalam penulisan karangan naratif dan pelaksanaan pengajaran BF secara eksplisit. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran BF boleh dilakukan seawal peringkat sekolah rendah dan kaedah Pengajaran Eksplisit yang digunakan dapat membantu guru menyampaikan pengajaran mereka dengan efektif. Kajian ini juga berjaya menunjukkan kaedah yang sistematik dan berstruktur dalam pengajaran BF membuah proses pembelajaran yang menarik dan kreatif serta berjaya membina keupayaan murid dalam menggunakan BF dalam karangan mereka.

RUJUKAN

- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof dan Raja Mohd. Fauzi Raja Musa (2001). Masalah penulisan naratif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*. 27, 3-26
- Ismail Ahmad (1992). *Keterampilan menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamsiah H. Abdullah (1993). Karangan naratif dan laporan- satu kajian tentang matlamat fungsional dan prestasi murid-murid sekolah menengah di Singapura. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37 (6), 484-493
- Les Sikos, Susan Brown, Albert. Kim, Luara. A Mechaelis dan Martha Palmer (2008) *Figurative Language: "Meaning" is often more than just a sum of the parts*. Retrieved September 26 2015 daripada http://spot.colorado.edu/~michaeli/Figurativelanguage_LSetal.pdf
- Maniyamin Haji Ibrahim (2009). *Gaya Bahasa Kiasan. Penggunaan dan Keberkesanannya dalam Sajak*. Shah Alam: Karisma Production Sdn Bhd.
- Noah Goodman (2014) *Figurative language*. Retrieved September 26 2015 <http://news.stanford.edu/news/2014/august/language-figurative-goodman-080614.html>
- Noni Ratina Haji Japah (2007). *Analisis karangan naratif bagi pelajar menengah atas: satu kajian*. Tesis Sarjana. FASS. Universiti Brunei Darussalam.
- Nur Fazalina dan Suriana Mohamed Bakri (2014). Gaya bahasa perbandingan dalam penulisan karangan naratif. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyemai bahasa menuai Budi*. Pusat Bahasa Melayu Singapura 4, 62-71
- Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014). Kemahiran menulis: suatu kajian pengajaran bagi peningkatan kemahiran karangan melalui penggunaan frasa berbunga. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu Menyemai Bahasa Menuai Budi*. Pusat Bahasa Melayu Singapura 14, 171-179

Rosnita Hamid dan Sarifah Hassan (2013). Keberkesanan teknik BKEMAS dalam pengajaran kemahiran menulis karangan naratif. Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Bahasa dan Jati Diri Melayu. Pusat Bahasa Melayu Singapura 12, 145-151

Yahya Othman (2012). *Penggunaan Gaya Bahasa dalam Penulisan Karangan Naratif Pelajar Prauniversiti di Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: University of Brunei.

Zainal Abidin Ahmad (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.